

### **13. PENILAIAN *EX-ANTE* LIBERALISASI INDUSTRI KELAPA TUA BIJI DI MALAYSIA**

Mohd Hafizudin Zakaria\*, Noorlidawati Ab. Halim\*, Mohd Zaffrie Mat Amin\*, Nor Amna A'liah Mohammad Nor\* dan Muhamad Faireal Ahmad\*

\*Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risikan Pasaran dan Agribisnes

---

#### **13.1. PENDAHULUAN**

Pada tahun 2016, kerajaan memutuskan untuk menghapuskan sistem kuota import beberapa produk pertanian dan ternakan di Malaysia yang berkuat kuasa serta-merta. Sehubungan itu, bermula 26 Januari 2016, negara telah melaksanakan dasar liberalisasi terhadap kuota import bagi beberapa komoditi pertanian dan ternakan utama. Pelaksanaan liberalisasi ini dibuat bagi memenuhi permintaan produk pertanian dan ternakan yang semakin meningkat dan memberi kesan peningkatan harga. Liberalisasi juga bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri produk yang bernilai tambah, terutamanya produk yang dieksport ke pasaran antarabangsa. Pelaksanaan liberalisasi dijangka memudahkan mekanisme pengimportan dengan menghapuskan proses permohonan bagi mendapatkan kuota import (Approved Permit, AP). Maka, syarikat pengimport hanya perlu membuat permohonan permit import (IP) daripada agensi kerajaan yang berkaitan; permohonan produk tanaman diuruskan oleh Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan produk ternakan di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Walau bagaimanapun, keperluan permit import masih kekal kerana pengimportan bahan pertanian tertakluk kepada Akta dan peraturan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin 1981, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Peraturan-peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008 yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Sebanyak tujuh produk pertanian dan ternakan telah

diliberalisasikan antaranya: 1) biji kopi mentah, 2) daging lembu dan kerbau, 3) daging kambing dan bebiri, 4) ternakan lembu dan kerbau hidup, 5) ternakan kambing dan bebiri hidup, 6) daging babi, dan 7) *suckling pig*. Walau bagaimanapun, masih terdapat lima produk pertanian dan ternakan yang belum diliberalisasikan dan dirancang untuk diliberalisasikan pada masa akan datang antaranya 1) kubis bulat, 2) kelapa tua biji, 3) keratan ayam, 4) ayam bulat (super) dan 5) susu pasteur segar.

Laporan bagi kajian ini akan memberi fokus hanya kepada kelapa tua biji yang mana produk pertanian ini masih lagi tertakluk kepada kelulusan kuota import. Keperluan kelapa negara ternyata tidak dapat ditampung oleh pengeluaran tempatan menyebabkan kebergantungan terhadap kelapa import masih tinggi terutamanya dari negara jiran Indonesia. Kini kerajaan bercadang supaya kelapa diliberalisasikan pada masa akan datang bagi memastikan langkah ini dapat memberi impak positif terutamanya kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan dan mekanisme liberalisasi tersebut. Pemantauan juga dijalankan bagi memastikan liberalisasi import tidak menjejaskan industri tempatan dan kesediaan industri tempatan selepas pelaksanaan liberalisasi. Antara elemen terpenting dalam mekanisme pelaksanaan liberalisasi adalah mengawal kemasukan produk pertanian import secara telus selaras dengan kuota import yang diluluskan oleh jabatan serta memastikan tiada isu salah guna AP di kalangan syarikat pengimport kelapa tua biji.


Jumlah kuota import kelapa yang telah diluluskan akan memberi impak kepada keseimbangan bekalan dan harga di pasaran tempatan yang boleh menyebabkan lambakan (*surplus*) atau ketidakcukupan (*shortage*) kelapa tempatan. Bekalan kelapa yang tidak stabil juga memberi kesan sama ada peningkatan atau penurunan harga pasaran yang melampau seterusnya menjejaskan status sosioekonomi pengusaha dan pengguna (*producers' and consumers' welfare*) serta kuasa membeli pengguna dan memberi refleks kepada status sekuriti makanan negara. Selain itu, terdapat juga isu-isu di peringkat

pengimport seperti kemerosotan prestasi dalam kalangan syarikat pengimport termasuk keupayaan syarikat dari aspek kapasiti, pulangan serta daya maju yang menyebabkan bekalan kelapa tidak konsisten, malah terdapat juga syarikat pembekal yang tidak mampu mematuhi prosedur perdagangan yang ditetapkan oleh negara pengeksport. Di atas dasar kepentingan semua pihak sama ada di peringkat pengimport, pemproses, pengeluar kelapa (petani) dan juga pengguna maka satu kajian ex-ante liberalisasi perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti kesan yang bakal dihadapi oleh kesemua pemegang taruh industri kelapa akibat pelaksanaan liberalisasi terhadap kelapa tua biji pada masa akan datang.

## **13.2. LATAR BELAKANG**

### **13.2.1. Senario industri kelapa dunia**


Industri kelapa dunia berkembang dengan pesat melangkaui lebih daripada 93 buah negara di serata dunia meliputi kawasan penanaman melebihi 12 juta ha dan pengeluaran kelapa dunia melebihi 60 bilion biji setiap tahun (FAO 2018). Indonesia, Filipina dan India merupakan pengeluar utama kelapa dunia pada tahun 2016 dengan syer keluaran kelapa masing-masing 30%, 23% dan 19% pegangan dunia sebagaimana ditunjukkan pada *Rajah 13.1*. Pada masa ini, 80% daripada bekalan kelapa global berasal dari Asia yang mana ia merupakan sumber penting pendapatan bagi kebanyakan negara. Malaysia berada di kedudukan ke-12 dunia dengan syer pengeluaran 1% daripada keluaran dunia selepas Myanmar dan Tanzania.



*Rajah 13.1. Negara pengeluar utama kelapa dunia*

Sumber: FAO (2018)

Pengeluaran kelapa paling banyak direkodkan pada tahun 2013 dengan pengeluaran sebanyak 62.1 bilion biji kelapa yang meliputi 12 juta ha kawasan penanaman di seluruh dunia. Namun, pada tahun 2016, jumlah pengeluaran dilihat semakin berkurang daripada segi pengeluaran kelapa biji sebagaimana ditunjukkan dalam *Rajah 13.2* walaupun berlakunya pertambahan keluasan penanaman kelapa dunia. Hal ini disebabkan beberapa kawasan baru penanaman kelapa yang ditanam masih belum mengeluarkan hasil dan penanaman semula kelapa di ladang sedia ada. Penanaman kelapa akan mula mengeluarkan buah yang boleh dituai pada tahun ke-5 bertanam.



Rajah 13.2. Pengeluaran dan keluasan berhasil kelapa dunia

Sumber: FAO (2018)

Pada tahun 2017, Malaysia menjadi negara pengimport utama kelapa dunia sebanyak 166,228 mt yang bernilai US\$29 juta diikuti negara Amerika Syarikat (35,747 mt) dan China (21,933 mt). Maklumat terperinci 10 negara pengimport kelapa dunia sebagaimana ditunjukkan dalam *Jadual 13.1*.

Jadual 13.1. Negara pengimport utama kelapa dunia (2017)

Negara pengimport utama (Kod HS: 080119)	Kuantiti (mt)	Nilai (US\$ juta)
Malaysia	166,227.83	29.41
Amerika Syarikat	35,747.17	45.21
Hong Kong, China	21,933.13	16.68
Belanda	16,104.86	11.79
Singapura	10,790.87	13.65
United Kingdom	8,590.17	13.41
Iran	6,454.12	3.90
Sepanyol	6,184.08	4.51
Kanada	5,158.38	7.32
Australia	5,026.31	5.52

Sumber: Comtrade dan ITC (2019)

Indonesia adalah pengeluar kelapa dunia mendominasi eksport kelapa ke seluruh dunia pada tahun 2017 dengan kuantiti sebanyak 287,150 (mt) yang bernilai US\$84.51 juta diikuti India dan Vietnam. Malaysia menduduki tempat ke-5 sebagai pengeksport kelapa dunia


sebanyak 21,177 mt yang bernilai US\$4.85 juta. Malaysia mengeksport kelapa dalam bentuk kelapa tua biji dan juga kelapa patik iaitu kelapa tua biji yang dikeluarkan isinya kemudian dieksport sebagai isi kelapa segar dan sejuk beku. *Jadual 13.2* menunjukkan senarai 10 negara pengeksport utama kelapa dunia bagi tahun 2017.

**Jadual 13.2. Negara pengeksport utama kelapa dunia (2017)**

Negara Pengeksport utama kelapa (Kod HS: 080119)	Kuantiti (mt)	Nilai (US\$ juta)
Indonesia	287,150.44	84.51
India	64,441.96	62.63
Viet Nam	30,334.58	53.35
Ghana	27,545.84	0.82
Malaysia	21,177.11	4.85
China, Hong Kong SAR	16,291.66	12.61
Guyana	15,905.48	10.83
Mexico	15,532.57	8.66
Netherlands	15,250.32	13.60
Sri Lanka	6,782.57	3.19

Sumber: Comtrade dan ITC (2018)

Harga kelapa tua di pasaran global menunjukkan trend yang stabil dari tahun 2011 – 2017. Purata harga kos, insurans dan perkapalan (CIF) sekitar US\$0.52/kg (*Rajah 13.3*).




**Rajah 13.3. Harga kelapa tua dunia (US\$/kg)**

Sumber: Comtrade dan ITC (2019)

### 13.2.2. Senario industri kelapa tempatan

Keluasan kelapa di Malaysia mencatatkan kemerosotan akibat persaingan penggunaan tanah bagi tanaman industri lain dan juga tujuan pembangunan komersial. Sehingga tahun 2017 keluasan tanaman kelapa bagi seluruh Malaysia berjumlah 82,917 ha. Pengeluaran kelapa juga mencatatkan kemerosotan sehingga tahun 2015 kemudiannya kembali meningkat sedikit pada tahun 2017 dengan jumlah pengeluaran 525,347 mt (*Rajah 13.4*). Kemerosotan pengeluaran sehingga tahun 2015 disebabkan beberapa ladang kelapa mula ditukarkan kepada ladang kelapa sawit kemudiannya peningkatan kembali pengeluaran pada tahun 2017 disebabkan ladang-ladang kelapa yang dibuat penanaman semula telah mula mengeluarkan hasil dan juga penggunaan benih-benih kelapa hibrid yang berkualiti seperti varieti Matag yang berupaya mengeluarkan hasil yang tinggi.




*Rajah 13.4. Keluasan dan pengeluaran kelapa di Malaysia (2011 - 2017)*

Sumber: DOA (2018)

Penggunaan kelapa mencatatkan bacaan yang tidak stabil naik dan turun berselang seli setiap tahun dari tahun 2011 - 2015 dan terus naik sehingga 2017. Kadar penggunaan tertinggi ialah pada 2012 iaitu 694,153 mt. Penggunaan kelapa menunjukkan trend peningkatan secara purata tahunan sebanyak 1.3% (2011 - 2017). Pengeluaran kelapa juga menunjukkan trend yang menurun secara purata tahunan pada kadar -


1.78% (2011 – 2016). Tahap sara diri kelapa juga dilihat mula merosot dengan purata tahunan -0.8% dari tahun 2011 – 2017 (*Rajah 13.5*).



*Rajah 13.5. Penggunaan, pengeluaran dan tahap sara diri (SSR)*

Sumber: DOSM (2017)


Jika dilihat pada graf import kelapa jelas menunjukkan berlakunya peningkatan import pada tahun 2015 dan 2016. Import kelapa paling sedikit ialah pada tahun 2013 yang mana pengeluaran kelapa tempatan paling tinggi direkodkan (*Rajah 13.6*). Trend ini agak selari dengan trend pengeluaran kelapa, yang mana ketika pengeluaran kelapa merosot maka import kelapa bertambah dan ketika pengeluaran kelapa meningkat maka import akan berkurang.



*Rajah 13.6. Kuantiti eksport dan import kelapa di Malaysia (2011 – 2017)*

Sumber: DOA (2017)

Selaras dengan peningkatan kuantiti import, nilai import kelapa meningkat daripada RM52.5 juta (2011) kepada RM123.4 juta (2016). Selain faktor kuantiti import, faktor kadar tukaran wang juga mempengaruhi nilai import kelapa. Namun sebaliknya berlaku, ketika harga import kelapa menurun, harga pasaran kelapa terus meningkat dalam tempoh 2011 – 2016 (Rajah 13.7). Keadaan ini disebabkan polisi kerajaan hanya membenarkan pengilang menggunakan maksimum 80% sahaja sumber kelapa import sebagai input pemprosesan dan selebihnya 20% hendaklah menggunakan kelapa tempatan (DOA 2018).



Rajah 13.7. Trend harga import dan harga pasaran (2011 – 2016)

Sumber: MAQIS dan FAMA (2017)

Dasar kerajaan untuk membangunkan industri kelapa sangat jelas diterangkan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2011 – 2020 (DAN). Terkini industri kelapa disenaraikan di dalam Program Sumber Kekayaan Baharu (SKB) di bawah kelolaan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Kerajaan telah menggariskan dua strategi utama untuk memulihkan industri kelapa seperti berikut:

- a) Mempertingkatkan penanaman semula dan pemulihan kawasan
- b) Mempertingkatkan program integrasi kawasan kelapa

Kadar duti import untuk kelapa bulat biji ialah 5% manakala kadar duti eksport ialah 0%. Buat masa ini proses pengimportan kelapa tua biji memerlukan kelulusan kuota import daripada pihak

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Tiada kadar kuota in-quota dan out-quota dikenakan ke atas komoditi kelapa tua biji. Pengimport hanya dibenarkan mengimport kelapa tua biji hanya dari negara Indonesia dan Thailand. Pengimportan dari selain dua negara tersebut tidak dibenarkan di atas faktor kawalan penyakit dan serangga perosak.

### **13.3. METODOLOGI**

#### **13.3.1. Data dan pensampelan**

Kedua-dua kategori data dan maklumat primer dan sekunder digunakan dalam kajian ini. Sumber data utama adalah dari Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS), dan Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA). Pensampelan tertuju akan dijalankan terhadap syarikat pembekal dan pengimport kelapa. Pengumpulan data primer daripada pengimport dilaksanakan dengan kerjasama DOA. Soal selidik berstruktur dan kaedah temu bual bersemuka digunakan bagi pengumpulan data primer. Kaedah ini bertepatan dengan jumlah populasi yang terhad.

#### **13.3.2. Analisis data**

Kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan dalam menganalisis data. Kaedah kuantitatif yang utama adalah analisis regresi iaitu menggunakan model statistik yang dapat mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah untuk mendapatkan garis yang fit sehingga satu-satu pemboleh ubah dapat dianggar berdasarkan pemboleh ubah yang lain dalam model yang sama. Tujuan model regresi adalah untuk mendapatkan suatu bentuk hubungan di antara pemboleh ubah yang akan diramal atau dianggar (pemboleh ubah bersandar) dengan pemboleh ubah bebas (pemboleh ubah tidak bersandar).


Model regresi log linear dan log linear berganda digunakan bagi kajian ini. Ini kerana model tersebut dapat menentukan keanjalan sesebuah pemboleh ubah bebas. Apabila nilai pemboleh ubah bebas ( $\beta$ ) ini adalah

lebih dari 1, maka terdapat hubungan yang anjal antara pemboleh ubah bebas ( $x_i$ ) terhadap pemboleh ubah bersandar ( $y$ ) dan sekiranya nilai  $\beta$  adalah kurang daripada 1, maka hubungan antara pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar adalah tidak anjal.

Ujian diagnostik regresi adalah penting untuk dijalankan sebelum model regresi dianalisis. Oleh itu, beberapa ujian diagnostik utama termasuk ujian *normality*, *multicollinearity*, *homocedasticity*, *outliers* dan *linearity* dijalankan pada setiap model regresi bagi memperoleh keputusan regresi yang lebih tepat. Tujuan diagnostik regresi adalah untuk memastikan data yang digunakan adalah *reliable* untuk dianalisis dan memenuhi kriteria berikut:

- a) Residu adalah bertaburan normal.
- b) Tiada *multicollinearity* atau tidak wujud korelasi yang tinggi diantara pemboleh ubah bebas.
- c) Model adalah bersifat *homoscedasticity* iaitu varians model adalah seragam
- d) Tiada outliers atau data yang ekstrem.
- e) Kesesuaian model dapat dikenalpasti berdasarkan taburan data (*Linear, quadratic, polynomial*)


Residu bertaburan normal dapat diukur dengan melihat kepada normal probability plot seperti *Rajah 13.8*. Residu disifatkan bertaburan normal sekiranya kesemua titik adalah berdekatan dengan garis lurus pada graf tersebut.



Rajah 13.8: Normal Probability Plot


Bagi ujian *multicollinearity*, nilai *variance inflation factor* (VIF) akan ditentukan berdasarkan pemboleh ubah bebas yang ada di dalam model. Tujuan ujian ini dijalankan adalah untuk menguji korelasi diantara pemboleh ubah bebas yang digunakan. Jika wujudnya korelasi yang tinggi di antara pemboleh ubah bebas, ia akan menyebabkan model regresi mencatatkan nilai *standard error* yang tinggi dan nilai koefisien regresi tidak dapat ditentukan dengan lebih tepat. Nilai VIF yang melebihi 10 menunjukkan wujudnya *multicollinearity* di dalam sesuatu model.

Ujian *homoscedasticity* mengguna pakai scatterplot untuk mengesan sebarang *violation* kepada andaian *homoscedasticity* yang mana ia merujuk kepada andaian bahawa setiap pemboleh ubah mempunyai varians yang seragam seperti scatterplot pada *Rajah 13.9*. Berdasarkan rajah ini, data yang diplot adalah secara rawak yang mana ia tidak menunjukkan sebarang paten seperti berkluster atau tertumpu kepada satu bahagian sahaja. Oleh itu, scatterplot ini menunjukkan model ini adalah bersifat *homoscedasticity*.




*Rajah 13.9. Plot Residual dan Fitted Value*

Ujian mengenal pasti *outliers* ditentukan berdasarkan nilai *Leverage* dan *Cook's Distance* (CD). *Leverage* dikira bagi menentukan terdapat data ekstrem pada pemboleh ubah bersandar. Manakala nilai CD dikira bagi menentukan terdapat data ekstrem pada kesemua pemboleh ubah bebas dan bersandar di dalam model. Ujian ini dapat dirumuskan berdasarkan scatterplot Residu dan Leverage (*Rajah 13.10*).



Rajah 13.10. Plot Standardized Residu dan Leverage

Berdasarkan rajah ini, outliers atau *influential case* dapat dikenal pasti jika terdapat data yang di plot di luar garisan Cook's distance. Ujian kesesuaian model dapat ditentukan menggunakan scatterplot (residual dan fitted value) seperti dalam *Rajah 13.11*. Rajah pertama menunjukkan terdapat paten parabola yang memberi gambaran bahawa model ini adalah tidak sesuai untuk data yang digunakan. Jika hal ini berlaku, analisis ini perlu diulang dengan menggunakan model lain seperti regresi kuadratik, polinomial atau interaksi. Rajah kedua tidak menunjukkan sebarang corak maka ia menunjukkan model yang digunakan adalah sesuai dengan kehendak data.



Rajah 13.11. Plot Residual dan Fitted Value

Analisis *non-parametric* juga dijalankan untuk mengenal pasti perubahan trend dan magnitud dengan menggunakan Ujian Mann Kendall (Mann 1945, Kendall 1975 dan Gilbert 1987). Tujuan utama ujian trend adalah untuk menilai secara statistik trend meningkat dan menurun bagi setiap pemboleh ubah sebelum dan selepas pelaksanaan liberalisasi. Analisis trend ini dijalankan ke atas setiap pemboleh ubah atau indikator utama iaitu import (kuantiti dan/atau nilai), eksport produk bernilai tambah, harga import, harga pasaran tempatan, pengeluaran dan penggunaan domestik, dan nilai mata wang (menggunkan pertukaran Ringgit Malaysia (RM) kepada US Dolar (US\$)).

Analisis korelasi *Pearson* merupakan salah satu ukuran korelasi yang digunakan untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan linear bagi pemboleh ubah. Dua pemboleh ubah dikatakan berkorelasi apabila perubahan salah satunya diikuti dengan perubahan pemboleh ubah yang lain sama ada posisi (arah) yang sama atau berlainan. Nilai koefisien menentukan kekuatan hubungan korelasi. Nilai yang menghampiri satu (1) (signifikan) menunjukkan hubungan yang kuat di antara pemboleh ubah. Selain itu, nilai koefisien yang kecil (tidak signifikan) bermaksud tiada hubungan di antara kedua pemboleh ubah.

Selain analisis kualitatif, kaedah analisis kuantitatif juga dijalankan bagi menganalisis data primer yang dikumpulkan melalui kajian lapangan atau survei di peringkat pengimport dan penanam kelapa. Survei dijalankan dengan menggunakan soal selidik berstruktur dan temu bual bersemuka dengan responden yang dipilih secara rawak dan mengikut syer pasaran semasa bagi kuota import setiap produk pertanian. Maklumat utama yang dikumpulkan adalah meramal impak pelaksanaan liberalisasi ke atas industri tempatan.

## 13.4. DAPATAN KAJIAN

### 13.4.1. Analisis trend kelapa tua biji

Analisis trend dijalankan terhadap data bulanan dari Januari 2015 – Disember 2017 yang berjumlah 36 siri kesemuanya. Ujian ini menggunakan pendekatan Mann-Kendall ke atas indikator utama seperti yang ditunjukkan di dalam *Jadual 13.3*. Hasil analisis menunjukkan keenam-enam indikator ini signifikan pada nilai ( $\alpha=0.05$ ).

Jadual 13.3. Analisis trend kelapa tua biji

Indikator	(2015 – 2017) n = 36	
	Magnitud	P-value
Kuantiti import (mt)	167.782	0.021**
Nilai import (RM juta)	0.194	0.000**
Harga pasaran tempatan (RM/kg)	0.008	0.000**
Harga import (cif) (RM/tan)	0.004	0.000**
Nilai eksport (RM juta)	0.016	0.000**
Kuantiti eksport (mt)	18.380	0.000**

\*\*Signifikan pada nilai ( $\alpha=0.05$ ).

Disebabkan kelapa tua biji belum diliberalisasikan, analisis dibuat secara siri masa untuk melihat trend dan potensi liberalisasi terhadap komoditi ini. Kuantiti import menunjukkan trend meningkat secara signifikan dengan kadar peningkatan 16,7781.79 kg sebulan (p-value = 0.02) sejajar dengan peningkatan permintaan kelapa setiap tahun. Nilai import pula menunjukkan trend meningkat secara signifikan dengan kadar peningkatan RM0.194 juta sebulan (p-value = 0.0004). Harga runcit pula menunjukkan trend meningkat secara signifikan sebanyak RM0.004/kg sebulan (p-value = 0.000). Harga import menunjukkan trend meningkat secara signifikan dengan kadar RM0.0082/kg sebulan (p-value = 0.0001). Nilai eksport produk nilai tambah pula menunjukkan trend meningkat secara signifikan dengan kadar RM16,390.06 sebulan (p-value = 0.000) dan kuantiti eksport pula menunjukkan trend meningkat secara signifikan dengan kadar 18,379.53 kg sebulan (p-value = 0.0000).

### 13.4.2. Analisis korelasi kelapa tua biji

Pekali korelasi menunjukkan kekuatan dan penentuan arah pada kedua-dua pemboleh ubah bergerak secara bersama-sama. Nilai positif menunjukkan hubungan yang positif dengan nilai kekuatan pekali korelasi dan sebaliknya jika bernilai negatif. Pekali korelasi digunakan bagi menentukan hubungan linear antara pemboleh ubah yang dikenal pasti.

Jadual 13.4. Analisis korelasi kelapa tua biji

		Kuantiti import	Nilai import	Harga pasaran tempatan	Nilai eksport	Kuantiti eksport	Nilai mata wang
Kuantiti import	Pearson Correlation	1	.965**	.252	.610**	.572**	.269
	Sig. (2-tailed)		.000	.137	.000	.000	.113
Nilai import	Pearson Correlation	.965**	1	.412*	.697**	.664**	.384*
	Sig. (2-tailed)	.000		.012	.000	.000	.021
Harga pasaran tempatan	Pearson Correlation	.252	.412*	1	.583**	.580**	.517**
	Sig. (2-tailed)	.137	.012		.000	.000	.001
Nilai eksport	Pearson Correlation	.610**	.697**	.583**	1	.977**	.330*
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000		.000	.050
Kuantiti eksport	Pearson Correlation	.572**	.664**	.580**	.977**	1	.328
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000		.051
Nilai mata wang	Pearson Correlation	.269	.384*	.517**	.330*	.328	1
	Sig. (2-tailed)	.113	.021	.001	.050	.051	

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

\* . Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed)

*Jadual 13.4* menunjukkan korelasi enam jenis pemboleh ubah yang menghasilkan 15 persilangan korelasi yang mana 13 daripadanya menunjukkan nilai signifikan pada nilai  $\alpha=0.1$ . Sebarang perubahan pada mana-mana pemboleh ubah ini pasti akan memberi kesan kepada pemboleh ubah yang lain. Daripada 13 korelasi menunjukkan wujudnya kadar korelasi yang sederhana dan kuat. Apabila kuantiti import meningkat kuantiti eksport juga turut sama meningkat namun peningkatannya tidaklah setinggi peningkatan nilai import yang mempunyai pekali korelasi yang lebih tinggi. Apabila nilai tukaran mata wang melonjakkan tinggi pastinya ia akan memberi kesan kepada harga import yang turut sama meningkat pada kadar sederhana.

### 13.4.3. Analisis regresi kelapa tua biji

Analisis regresi dijalankan bagi mengkaji hubungan dan pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Hipotesis yang dibentuk ini juga merupakan satu ramalan atau pernyataan tentang keputusan dan hasil dapatan yang dijangka akan diperolehi. Sebanyak dua model dibentuk untuk diuji hubungan.

Model 1: Menentukan faktor yang mempengaruhi nilai eksport produk tambah nilai bagi kelapa tua biji

H<sub>0</sub>: Terdapat hubungan yang tidak signifikan di antara nilai eksport produk bernilai tambah dengan nilai import dan nilai mata wang bagi kelapa tua biji.

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan di antara nilai eksport produk bernilai tambah dengan nilai import dan nilai mata wang bagi kelapa tua biji.

Model 1 dianalisis menggunakan kaedah model log linear seperti di bawah:

$$\ln(y) = \beta_0 + \beta_1 \ln(x_1) + \beta_2 \ln(x_2) + e$$


Yang mana:

$y$  = Nilai eksport produk bernilai tambah


$x_1$  = Nilai import

$x_2$  = Nilai mata wang

$e$  = Residu



Rajah 13.12. Ujian normality kelapa tua biji (Model 1)



Rajah 13.13. Ujian homoscedasticity kelapa tua biji (Model 1)

Rajah 13.12 menunjukkan data bertaburan normal kerana kesemua titik adalah berdekatan dengan garis lurus pada graf tersebut. Bagi ujian *homoscedasticity*, *scatterplot* (Rajah 13.13) menunjukkan data diplot secara rawak, tiada paten berkluster atau tertumpu ditunjukkan pada satu bahagian sahaja. Ini menunjukkan model ini adalah bersifat *homoscedasticity*. Ujian *multicollinerity* pula merujuk kepada nilai *variance inflation factor* (VIF) (Jadual 13.5).

Jadual 13.5. Nilai VIF kelapa tua biji (Model 1)

	Collinearity Statistics	
	Tolerance	VIF
Nilai import	0.792	1.263
Nilai mata wang	0.792	1.263

Nilai VIF yang ditunjukkan adalah kurang daripada 10, dan nilai tolerance di atas 0.2, maka tiada wujudnya *multicollinerity* dalam model ini. Ujian outliers telah dijalankan dengan melihat nilai Cook's Distance bersamaan pada purata 0.027, nilai ini menunjukkan kurang daripada 1, maka outliers tidak wujud bagi model ini.

Analisis regresi menunjukkan nilai  $R^2$  sebanyak 0.57 yang memberi maksud sebanyak 57% variasi dapat diterangkan berdasarkan variasi di dalam pemboleh ubah bebas. Nilai  $R^2$  juga dapat menunjukkan perbezaan di antara nilai anggaran dan nilai sebenar semakin tinggi nilai  $R^2$  semakin sedikit perbezaan antara nilai anggaran dan nilai sebenar.

Jadual 13.6. Analisis regresi kelapa tua biji (Model 1)

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	$R^2$	Model Sig.	F
	B	Std. Error	Beta					
	<i>Constant</i>	-14.262	4.863					
Nilai import	1.192	.540	.355	2.207	.034			
Nilai mata wang	7.214	3.715	.312	1.942	.061			

*Dependent variable:* Harga pasaran tempatan

Antara faktor yang mempengaruhi nilai eksport tambah nilai kelapa secara signifikan adalah nilai import dan nilai tukaran wang. Nilai pekali  $\beta$  yang positif menunjukkan hubungan yang positif antara nilai eksport tambah nilai antara nilai import dan nilai tukaran mata wang. Setelah antilog nilai regresi tersebut dibuat, maka dapat dibuat kesimpulan setiap kenaikan RM1 bagi nilai import akan meningkatkan RM3.29 nilai eksport sebulan dan perubahan setiap penurunan nilai RM1 (nilai mata wang lemah) akan meningkatkan nilai eksport sebanyak RM1,358 sebulan (*Jadual 13.6*).

Model 2: Menentukan faktor yang mempengaruhi harga pasaran pengguna tempatan

H<sub>0</sub>: Terdapat hubungan yang tidak signifikan antara harga pasaran tempatan dengan nilai import dan nilai mata wang.

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara harga pasaran tempatan dengan nilai import dan nilai mata wang.

Model 2 dianalisis menggunakan kaedah model log linear seperti di bawah:

$$\ln(y) = \beta_0 + \beta_1 \ln(x_1) + \beta_2 \ln(x_2) + e$$


Yang mana:

y = Harga pasaran tempatan


x<sub>1</sub> = Nilai import

x<sub>2</sub> = Nilai mata wang

e = Residual



Rajah 13.14. Ujian normality kelapa tua biji (Model 2)



Rajah 13.15. Ujian homoscedasticity kelapa tua biji (Model 2)

Rajah 13.14 menunjukkan data bertaburan normal kerana kesemua titik adalah berdekatan dengan garis lurus pada graf tersebut. Bagi ujian *homoscedasticity*, *scatterplot* (Rajah 13.15) menunjukkan data diplot secara rawak, tiada paten berkluster atau tertumpu ditunjukkan pada satu bahagian sahaja. Ini menunjukkan model ini adalah bersifat *homoscedasticity*. Ujian *multicollinerity* pula merujuk kepada nilai *variance inflation factor* (VIF) seperti ditunjukkan di dalam *Jadual 13.7*.

Jadual 13.7. Nilai VIF kelapa tua biji (Model 2)

	Collinearity Statistics	
	Tolerance	VIF
Nilai import	0.792	1.263
Nilai mata wang	0.792	1.263

Nilai VIF yang ditunjukkan adalah kurang daripada 10, dan nilai tolerance di atas 0.2, maka tiada wujudnya *multicollinerity* dalam model ini. Ujian outliers telah dijalankan dengan melihat nilai Cook's Distance bersamaan pada purata 0.036, nilai ini menunjukkan kurang daripada 1, maka outliers tidak wujud bagi model ini.

Keputusan analisis regresi menunjukkan nilai  $R^2$  sebanyak 0.543 yang memberi maksud sebanyak 54% variasi dapat diterangkan berdasarkan variasi di dalam pemboleh ubah bebas. Nilai  $R^2$  juga dapat menunjukkan perbezaan di antara nilai anggaran dan nilai sebenar semakin tinggi nilai  $R^2$  semakin sedikit perbezaan antara nilai anggaran dan nilai sebenar. Daripada model 2 ini hanya pemboleh ubah nilai mata wang sahaja yang signifikan.

Jadual 13.8. Analisis regresi kelapa tua biji (Model 2)

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	$R^2$	Model Sig.	F
	B	Std. Error	Beta					
<i>Constant</i>	-.405	.256		-1.579	.124	0.543	0.003	6.890
Nilai Import	.031	.028	.176	1.088	.284			
Nilai mata wang	.521	.196	.437	2.661	.012			


Pemboleh ubah bersandar: Harga pasaran tempatan

Faktor yang mempengaruhi harga pasaran tempatan kelapa secara signifikan adalah faktor  $x^2$  iaitu nilai tukaran wang. Nilai pekali  $\beta$  yang positif menunjukkan hubungan yang positif antara harga pasaran tempatan dan nilai tukaran mata wang. Setelah anti log nilai regresi tersebut maka dapat dibuat kesimpulan setiap penurunan nilai RM1 mata wang Malaysia (nilai mata wang lemah) akan meningkat harga pasaran sebanyak RM1.68 sebiji (*Jadual 13.8*).

#### 13.4.4. Potensi impak liberalisasi ke atas industri kelapa tua biji terhadap pengimport dan perusahaan

Sebanyak 10 syarikat pengimport kelapa tua biji ditemu bual bagi mendapatkan maklumat dan pandangan berkaitan kajian liberalisasi ini. Majoriti syarikat ini sangat berpengalaman dan telah pun terlibat dengan industri kelapa lebih daripada 15 tahun. Lima syarikat daripada 10 syarikat telah pun beroperasi melebihi 20 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas di dalam aktiviti pengimportan kelapa tua biji malah ada yang telah mengimport kelapa tua biji sebelum dilaksanakan sistem kuota lagi. Kesemua syarikat pengimport yang ditemu bual


berstatus sendirian berhad. Walaupun syarikat yang diberi permit import berjumlah 21 syarikat semuanya bagi tahun 2017 namun 10 syarikat yang ditemu bual ini memegang syer import sebanyak 86% daripada keseluruhan jumlah import yang diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Daripada 10 responden yang mewakili 10 syarikat ditemu bual, tujuh daripadanya memahami liberalisasi dagangan dengan maksud pasaran terbuka, tiada sekatan urus niaga dan tiada kuota.



Rajah 13.16. Pengetahuan pelaksanaan liberalisasi kelapa tua biji

Dari aspek kefahaman terhadap prosedur pengimportan, sembilan responden mempunyai kefahaman yang jelas dan kesemuanya tahu berkenaan maklumat berkaitan SPS dan risiko-risiko kawalan penyakit. Walau bagaimanapun, empat syarikat tidak bersetuju sekiranya kelapa tua biji diliberalisasikan dengan alasan syarikat yang besar dan pastinya mempunyai modal yang besar akan memonopoli industri pengimportan kelapa, selain itu akan mewujudkan persaingan baru apabila sesiapa sahaja boleh mengimport kelapa dan menjalankan perniagaan berasaskan kelapa. Liberalisasi juga bakal menyebabkan tahap kebergantungan yang tinggi terhadap bekalan kelapa import lantas menyebabkan tumpuan untuk membangunkan pengeluaran kelapa tempatan sedikit terabai kerana bekalan kelapa import lebih murah berbanding dengan kelapa tempatan (Rajah 13.16).

Terdapat dua kaedah pengimport mendapatkan kelapa dari Indonesia iaitu menggunakan agen dan juga pengimport itu sendiri dalam menguruskan aktiviti pengimportan kelapa tua biji (*Rajah 13.17*).



*Rajah 13.17. Kaedah pengimportan bekalan kelapa oleh industri*

Lima pengimport menggunakan agen 100% bagi mendapatkan bekalan kelapa bagi kegunaan syarikat manakala tiga pengimport lagi menguruskan sendiri 100% urusan pengimportan kelapa. Selebihnya dua pengimport menggunakan kedua-dua kaedah pengimportan. Kebiasaannya bekalan kelapa yang diimport bukan semuanya boleh digunakan, ada yang terpaksa dilupuskan akibat busuk dan rosak. Keadaan ini disebabkan kegagalan pengendalian lepas tuai dan juga faktor logistik yang mengakibatkan kerosakan kelapa. Purata daripada 10 syarikat, 90% bekalan kelapa import boleh digunakan, hanya 10% sahaja dilupuskan atau diproses sebagai kopra kering (*Jadual 13.9*).

**Jadual 13.9. Anggaran kerosakan bekalan kelapa import**

	Min	Sisihan piawai
Kerosakan boleh guna	90.4%	8.3
Kerosakan tidak boleh guna	9.6%	8.3

Kesemua pengimport mengatakan bekalan kelapa yang diperlukan dari tahun 2015 sehingga Mei 2018 meningkat disebabkan permintaan dan pasaran produk kelapa yang semakin luas. Selain itu faktor kekurangan bekalan kelapa tempatan juga mendorong syarikat untuk menambah jumlah import kelapa tua biji bagi memenuhi keperluan pemprosesan produk kelapa.

Mengikuti prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh MOA, kelapa biji tua yang dibenarkan dibawa masuk ke Malaysia hanyalah kelapa dari negara Indonesia dan Thailand. Namun sehingga kini Thailand masih mengenakan sekatan eksport kelapa tua ke Malaysia. Kawalan kemasukan mengikut negara ini dikuatkuasakan oleh MOA bagi membendung penyakit dan serangga perosak yang boleh mengakibatkan serangan ke atas tanaman kelapa tempatan. Walaupun kelapa yang diimport disahkan dari Indonesia, pemeriksaan tetap dijalankan oleh pihak MAQIS secara rawak bagi memastikan tiada penyakit dan serangga perosak dibawa masuk ke Malaysia.

Pelbagai produk dihasilkan secara komersial oleh pengilang yang juga sebagai pengimport kelapa. Antara produk-produk yang dihasilkan ialah kelapa patik, santan segar, santan tepung, santan UHT, kerisik, kopra, minyak kelapa dara, *dessicated* dan air kelapa tin. Kebanyakan produk yang dihasilkan ini dipasarkan di pasaran tempatan seperti santan segar, kerisik dan kelapa patik. Majoriti syarikat menggunakan agen di dalam memasarkan produk. Agen inilah yang akan membuat agihan kepada pasar raya, kedai runcit dan kilang-kilang lain yang menggunakan input produk kelapa untuk penghasilan produk seterusnya seperti santan digunakan di dalam pembuatan aiskrim.

Produk seperti santan tepung, santan kotak dan *dessicated* pula kebanyakannya dieksport keluar negara. Antara negara-negara pasaran luar negara ialah Qatar, United Kingdom, China, Taiwan, Thailand, Singapura, Belanda, Korea dan Eropah. Kesemua syarikat yang mengimport kelapa tua biji ini menghasilkan produk kelapa berasaskan makanan sahaja. Ada sesetengah pengilang yang menerima tempahan produk secara OEM sebagai contoh menghasilkan produk santan jenama pasar raya tertentu.

Pemain industri terutamanya pengimport kelapa tua biji berpandangan dengan pelaksanaan liberalisasi ke atas kelapa tua biji akan menyebabkan persaingan pasaran tempatan meningkat terutamanya apabila wujudnya pemain industri baru penghasilan produk kelapa. Dengan pelaksanaan liberalisasi ini sesiapa sahaja boleh

menjalankan industri pemprosesan kelapa disebabkan bekalan kelapa murah mudah diperoleh melalui pengimportan kelapa dari luar negara tanpa sebarang sekatan kuota (*Jadual 13.10*).

**Jadual 13.10. Persepsi pelaksanaan liberalisasi kelapa oleh pengimport**

Persepsi	Min	Sisihan piawai
Liberalisasi memudah cara mekanisme import	2.8	1.32
Pengurusan yang sistematik dan lancar	2.9	1.29
Kapasiti import semakin bertambah	2.7	1.25
Bekalan produk yang lebih stabil	2.8	1.23
Hasil perniagaan meningkat	2.5	1.27
Kos operasi yang meningkat	2.6	1.17
Keperluan bahan mentah sukar diperoleh	2.8	0.79
Harga import tinggi dan tidak stabil	2.9	0.74
Pasaran produk yang terhad	2.8	0.79
Persaingan pasaran yang meningkat	3.0	0.71
Keperluan khidmat dari jabatan/agensi kerajaan yang terhad	2.3	1.16
Tiada pemantauan pelaksanaan liberalisasi oleh jabatan/agensi yang berkenaan	2.5	1.08

Harga kelapa import yang lebih murah dan konsisten bekalannya pastinya menjadi pilihan utama pengilang untuk menggunakan kelapa import sebagai input pemprosesan produk kelapa. Mengikut maklumat hasil survei kajian, harga kelapa import (Indonesia) yang diterima pengilang di antara RM0.60 – RM1.00 sedangkan harga kelapa tempatan pula di antara RM1.10 – RM1.70.

Proses mengimport kelapa tua biji bermula di peringkat permohonan permit AP untuk kemasukan kelapa mengikut kuota yang diluluskan oleh MOA. Proses permohonan kuota dibuat kepada Jabatan Pertanian, namun kelulusan hanya dibuat di peringkat MOA. Seterusnya apabila telah mendapat kelulusan AP. Permohonan seterusnya serentak perlu dimajukan kepada MAQIS untuk mendapatkan permit import (IP) melalui sistem e-dagang, juga kepada FAMA untuk kelulusan 3K, salinan permohonan juga perlu dimajukan kepada bahagian biosekuriti untuk mendapatkan kelulusan. Setelah kesemua kelulusan diperoleh, baharulah pengimport akan berurusan dengan pembekal kelapa untuk mendapatkan bekalan kelapa mengikut kuota yang diluluskan. Setelah selesai urusan tempahan, kebanyakan pengimport menggunakan perkhidmatan *forwarding agent* untuk menguruskan urusan ketibaan

bekalan kelapa di pelabuhan. Setelah urusan kastam, MAQIS di pelabuhan selesai (pemeriksaan, kuarantin, timbang), agen akan berhubung terus dengan pengimport untuk mengambil kelapa di pelabuhan ke kilang mereka. Sesetengah agen memberi perkhidmatan logistik penghantaran bekalan terus ke kilang pengimport. Di kilang selalunya akan dibuat timbangan sekali lagi supaya catatan berat semasa keluar pelabuhan dan tiba di kilang adalah sama supaya tiada berlaku keciciran atau kecurian kelapa sepanjang perjalanan dari pelabuhan ke kilang. Urusan import selesai setelah bekalan kelapa tiba sepenuhnya di kilang. Ada juga agen yang menguruskan order bekalan kelapa mengambil balik kelapa-kelapa yang rosak dan menggantikan dengan kelapa yang elok semula bergantung pada kualiti kelapa yang dihantar ke kilang. *Rajah 13.18* menunjukkan ringkasan carta alir mekanisme proses mengimport kelapa.



*Rajah 13.18. Carta alir mekanisme pengimportan kelapa*

Terdapat pelbagai pandangan daripada pengimport/pengilang sekiranya liberalisasi dilaksanakan bagi kelapa tua biji. Terdapat syarikat yang menyokong dan ada yang menolak pelaksanaan liberalisasi. Beberapa syarikat mencadangkan agar liberalisasi dilaksanakan secara bertempoh umpamanya dalam tempoh lima tahun

pertama sahaja kemudian sistem kuota dikembalikan. Hal ini bagi memberi masa kepada penanam kelapa tempatan mendapatkan hasil kelapa yang kemudiannya akan dibeli oleh pengilang ini juga. Rata-rata pengilang lebih menggemari kelapa tempatan kerana tidak perlu melalui kerena proses pengimportan dan kualiti kelapa tempatan yang lebih baik berbanding kelapa import. Sehingga kini, kadar kebergantungan yang tinggi terhadap negara Indonesia dalam membekalkan kelapa mengundang beberapa risiko antaranya pengimport perlu bersaing bekalan dengan negara-negara lain seperti China dan Thailand. Syarikat-syarikat besar dari negara lain akan menawarkan harga yang tinggi kepada pembekal di Indonesia lantas menyebabkan harga kelapa import turut sama melonjak. Penanam kelapa tempatan juga akan hilang minat menanam kelapa sekiranya harga kelapa import boleh diperolehi dengan mudah pada harga yang rendah malah lebih rendah daripada kos pengeluaran kelapa tempatan di ladang.

#### **13.4.5. Potensi impak liberalisasi ke atas industri kelapa tua biji terhadap petani dan pekebun kecil**

Sebanyak 43 petani dan pekebun kecil kelapa ditemu bual bagi mendapatkan maklumat dan pandangan berkaitan kajian liberalisasi ini. Majoriti (63%) penanam kelapa terlibat dengan industri kelapa kurang daripada 15 tahun dan selebihnya 37% telah pun terlibat melebihi 15 tahun. Majoriti penanam yang ditemu bual tidak hanya menanam kelapa semata-mata bahkan mereka turut sama terlibat sebagai pengumpul dan pemborong kelapa. 13% daripada mereka juga terlibat sebagai pemproses produk kelapa seperti santan, kerisik dan minyak kelapa dara. Hanya 17% daripada mereka mempunyai kontrak pembekalan kepada pemborong dan pengumpul. Berdasarkan hasil survei yang dibuat, majoriti penanam kelapa berpandangan trend harga kelapa di peringkat ladang meningkat sepanjang tahun 2014 – 2017 kemudian harga kelapa turun pada tahun 2018. Harga tertinggi sepanjang lima tahun kebelakangan ini (2014 – 2018) pernah mencecah secara puratanya RM1.20/biji manakala harga terendah secara puratanya pernah mencecah RM0.80/biji. Berdasarkan tinjauan survei, penanam bersetuju harga terendah yang sanggup ditawarkan kepada pembeli

secara puratanya ialah RM0.90/biji bagi tahun 2018. Daripada 43 petani dan penanam kelapa yang ditemu bual, 19 daripadanya memahami liberalisasi dengan maksud pasaran terbuka, kebebasan dagangan dan kemasukan produk import tanpa sekatan. 50% daripada penanam memaklumkan mereka tahu wujudkan kawalan kuota terhadap kelapa tua import.

Pelaksanaan liberalisasi kuota import kelapa tua biji sudah tentu akan memberi kesan kepada petani dan pekebun kecil. 100% penanam dan pekebun kelapa tidak bersetuju sekiranya liberalisasi dilaksanakan ke atas kelapa tua biji. *Jadual 13.11* menunjukkan alasan dan sebab penanam kelapa tidak bersetuju dengan cadangan untuk melaksanakan liberalisasi ke atas kelapa. Pihak penanam pastinya akan bersaing dengan kelapa import di peringkat industri pembuatan. Cabaran utamanya ialah persaingan harga dengan kelapa import yang lebih murah sekitar harga RM0.60 – RM1.00. Pihak penanam kelapa memaklumkan pada tahun 2018, berlakunya lambakan pengeluaran kelapa tempatan di ladang yang mana faktornya disebabkan keupayaan kelapa pada tahun 2018 berjaya mengeluarkan hasil hampir dua kali ganda daripada tahun sebelumnya ditambah pula dengan hasil penanaman semula kelapa daripada program penanaman semula yang dilaksanakan sebelum ini menggunakan varieti Matag telah mula membuahkan hasil. Namun apa yang merisaukan, pekebun kecil kelapa mendakwa bermula Julai – November 2018 berlakunya kemasukan kelapa import dari Thailand dan Filipina dengan jumlah yang banyak. Keadaan ini menyebabkan kelapa tempatan menjadi lambakan akibat tidak dapat bersaing dengan kelapa import yang lebih murah dan lebih besar saiz bijinya. Harga kelapa import (Thailand dan Filipina) dipasarkan oleh pemborong pada harga RM0.90 terus ke kedai runcit dan tempat pemprosesan. Ada kemungkinan kelapa import yang didakwa pekebun dibawa masuk ke Malaysia secara tidak sah. Namun perkara ini memerlukan penelitian dan siasatan lanjut bagi membuktikan dakwaan pekebun kecil tersebut. Dari sudut pelaksanaan liberalisasi sememangnya akan memberi kesan negatif kepada petani melihatkan keadaan terkini sebelum pelaksanaan liberalisasi yang memerlukan penyelesaian konklusif terhadap lambakan tempatan.

### Jadual 13.11. Alasan penanam dan pekebun kelapa tidak bersetuju liberalisasi

Alasan	%
Petani tidak dapat bersaing dengan kelapa import yang jauh lebih murah	72
Akan memberi kesan lambakan kepada kelapa tempatan	83
Menjejaskan pendapatan petani	93
Akan menjejaskan harga pasaran kelapa tempatan	79
Tiada lagi peraih yang akan membeli kelapa tempatan setelah mendapat bekalan tetap kelapa import	63

## 13.5. RUMUSAN DAN SARANAN

Berdasarkan dapatan analisis di dalam kajian ini jelas menunjukkan pertambahan import kelapa pastinya akan meningkatkan eksport tambah nilai produk. Keadaan ini merupakan petanda yang baik kepada perkembangan ekonomi negara. Walaupun komoditi kelapa tua biji masih belum diliberalisasikan sepenuhnya dengan sekatan kuota import, namun kadar kekurangan masih belum terdesak apabila pihak industri boleh memohon penambahan kuota bila-bila masa mengikut keperluan pemprosesan industri pembuatan. Kekurangan semasa kelapa tempatan hanya berlaku di peringkat industri pemprosesan produk, namun untuk keperluan segar pengguna masih terkawal. Kawalan kuota import kelapa masih perlu dikekalkan selaras dengan pelan pembangunan penyelidikan dan penanaman semula kelapa yang telah dan sedang dilaksanakan. Pengeluaran kelapa dijangka meningkat secara drastik dalam masa empat ke lima tahun akan datang. Walau bagaimanapun, kebergantungan terhadap kelapa tempatan perlu diutamakan berbanding kelapa import bagi menjamin kedaulatan makanan dan risiko negara apabila hanya bergantung pada satu negara pengeluar semata-mata. Langkah pihak industri sendiri yang mula menanam kelapa secara estet merupakan langkah yang baik bagi menjamin bekalan kelapa yang berterusan tanpa bergantung pada kelapa import.

### **13.6. RUJUKAN**

- Comtrade (2018). Diperoleh pada 26 Jun 2018 dari <http://www.comtrade.org>.
- Faostat (2018). Diperoleh pada 26 Jun 2018 dari <http://www.fao.org/faostat>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih. Malaysia 2012 – 2016.
- Jabatan Pertanian Malaysia (DOA). (2017). Statistik Tanaman Industri Malaysia 2016.
- Jabatan Pertanian Malaysia (DOA). (2018). Prosedur Operasi Standard Permohonan dan Kelulusan Kuantum Pengimportan Kelapa Tua Biji.
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (2018). Harga Pasaran Komoditi Terpilih di Pasaran Tempatan.